



4 | Bayaran Projek Agriculture Intelligence System Fasa 1

- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia**

BAYARAN PROJEK AGRICULTURE INTELLIGENCE SYSTEM FASA 1

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian
Malaysia

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Bayaran bagi Projek Agriculture Intelligence System (AIS) Fasa 1 oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Projek AIS Fasa 1 dibangunkan sebagai pemudah bagi menghubungkan semua pihak berkepentingan dalam rantaian bekalan melalui rangkaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan sama ada bayaran bagi Projek AIS Fasa 1 telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - bayaran RM0.95 juta dibuat di luar tempoh kontrak (bayaran tidak wajar);
 - pengurangan denda lewat RM0.51 juta disebabkan kelewatan semakan dokumen dan gangguan perkhidmatan *cloud*; dan
 - Projek AIS Fasa 1 berjumlah RM8.87 juta tidak digunakan sejak bulan November 2020 walaupun projek telah siap dan serahan dibuat pada 1 Februari 2020.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - memastikan projek dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi mengelakkan pembayaran di luar kontrak;

- memastikan formula pengiraan denda lewat bagi perolehan ICT mengikut peraturan Kerajaan supaya tuntutan denda lewat dibuat dengan teratur dan mematuhi klausa perjanjian;
- memastikan pemantauan terhadap pengurusan projek dibuat dengan lebih berkesan dengan mengambil tindakan segera terhadap masalah yang berbangkit; dan
- memastikan sistem digunakan secara optimum dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran kepada Kerajaan.

4. BAYARAN PROJEK AGRICULTURE INTELLIGENCE SYSTEM FASA 1

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek Agriculture Intelligence System (AIS) Fasa 1 merupakan projek di bawah Agriculture Flagship (AgF) sebagai pemudah bagi menghubungkan semua pihak berkepentingan dalam rantai bekalan melalui rangkaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Pengguna AIS Fasa 1 terdiri daripada semua pihak berkepentingan iaitu Agensi Pelaksana di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Jabatan dan Agensinya, kumpulan sasar dan orang awam. Pada fasa pertama (Fasa 1), Kerajaan telah menetapkan lima *deliverables* utama iaitu:

- a. Portal Enterprise AIS untuk menyelaraskan pembangunan aplikasi daripada setiap jabatan/agensi dengan kerangka AgF sebagai pelan induk utama;
- b. Sistem Maklumat Profil untuk meningkatkan pengurusan sumber kewangan, sumber manusia dan ICT secara cekap dan berkesan;
- c. Sistem Pengurusan Insentif dan Subsidi untuk merasionalisasikan pengurusan subsidi dan insentif dengan lebih efisien;
- d. Pemantapan Dashboard Eksekutif untuk proses membuat keputusan lebih efektif dengan maklumat strategik dan analisis menyeluruh industri agro makanan; dan
- e. 11 Aplikasi Perkhidmatan Pertanian untuk menyelaraskan peranan agensi pertanian bagi mempertingkatkan keberkesanan fungsi.

1.2. Bagi tempoh 2014 hingga 2018, MAFI telah menyalurkan peruntukan Projek AgF berjumlah RM16.96 juta kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). MAFI merupakan pemilik AIS Fasa 1 telah melantik MARDI sebagai agensi pelaksana. Syarikat 374044-H (syarikat) telah ditawarkan tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Guna dan Mentauliah Projek AIS Fasa 1 dengan harga berjumlah RM11.71 juta melalui Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani pada 2 Oktober 2014. Tempoh Perjanjian Utama di antara MARDI dengan syarikat bertarikh 15 Mei 2015 telah diluluskan selama 56 minggu iaitu mulai 10 Oktober 2014 hingga 6 November 2015. Maklumat ringkas Projek AIS Fasa 1 seperti dalam **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
BUTIRAN PROJEK AIS FASA 1

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nombor Perjanjian	MDI/PK/KW/476-TB003/2014
2.	Skop Kerja Utama	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Guna dan Mentauliah Projek AIS Fasa 1
3.	Agensi Pelaksana	MARDI
4.	Harga Perjanjian	RM11.71 juta
5.	Kontraktor	Syarikat 374044-H
6.	Tarikh Surat Setuju Terima	2 Oktober 2014
7.	Tarikh Perjanjian Utama Ditandatangani	15 Mei 2015
8.	Tempoh Perjanjian	14 bulan/56 minggu (10 Oktober 2014 hingga 6 November 2015)
9.	Tarikh Siap Asal	6 November 2015
10.	Tarikh Perjanjian Tambahan Ditandatangani	1 Julai 2016
11.	Tempoh Perjanjian Tambahan (Lanjutan Masa)	6 bulan/24 minggu (7 November 2015 hingga 9 Mei 2016)
12.	Tarikh Siap Asal Dipinda	9 Mei 2016
13.	Surat Notis Kegagalan/Kemungkiran	28 Julai 2016
14.	Tarikh Sijil Pengujian Penerimaan Akhir (FAT)	1 Februari 2020
15.	Tempoh Jaminan Sistem	1 Februari 2020 hingga 30 Januari 2021
16.	Tarikh Penyerahan Sistem kepada MAFI	1 Februari 2020
17.	Kelulusan Pengurangan Denda Lewat oleh Kementerian Kewangan (MoF)	12 Ogos 2021

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Fail Projek AIS Fasa 1

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada bayaran Projek AIS Fasa 1 telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat MARDI meliputi pematuhan terhadap pelaksanaan Projek AIS Fasa 1, penyaluran kos projek kepada MARDI sebagai pelaksana projek dan bayaran kemajuan projek kepada syarikat.

3.2. Pengauditan meliputi kesemua 12 baucar bayaran MARDI berjumlah RM8.87 juta bagi tahun 2015 hingga bulan September 2021.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, klausa perjanjian dan dokumen berkaitan bayaran kepada syarikat. Lawatan fizikal telah dilaksanakan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Bahagian Pengurusan Maklumat MAFI. Sesi temu bual juga dibuat dengan pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Ogos hingga Oktober 2021. Maklum balas daripada MARDI dan MAFI diterima pada 5 November 2021, 24 Disember 2021 dan 4 Januari 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 29 November 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Bayaran RM0.95 Juta Dibuat di Luar Tempoh Kontrak

4.1.1. Berdasarkan Perjanjian Utama, skop kerja Projek AIS Fasa 1 melibatkan tiga item, iaitu Perisian dan Lesen; Perkhidmatan Pelaksanaan, Modifikasi, Integrasi dan Migrasi; dan Latihan kepada pengguna. Perincian skop dan kos keseluruhan Projek AIS Fasa 1 seperti dalam **Jadual 4.2**.

JADUAL 4.2
SKOP DAN KOS KESELURUHAN PROJEK AIS FASA 1

SKOP KERJA		JUMLAH (RM)
Item 1 - Software and License	1.1 Enterprise Portal	904,869
	1.2 Business Process Management (BPM)	585,853
	1.3 Services Oriented Architecture	253,731
	1.4 Business Intelligence	450,000
	1.5 Data Quality Tools	60,051
	1.6 Master Data Management	60,051
	1.7 Database (Data Warehouse)	60,051
	1.8 Others	
	a. Infrastructure	169,368
	b. Customer Relationship Management (CRM)	2,286,215
	c. Developments Tools	78,215
JUMLAH HARGA ITEM 1		4,908,404
Item 2 - Implementation, Modification, Integration and Migration Services	2.1 Enterprise Portal Development	454,000
	2.2 Profiling System Development	638,000
	2.3 Incentive Management System	746,000
	2.4 Executive Dashboard Enhancement	407,706
	2.5 Agriculture Services Development (11 applications)	1,546,000
	2.6 Integration Services	798,823
	2.7 Migration Services	140,000
	2.8 Data Quality Services	467,647
	2.9 Project Managements Services	908,823
	2.10 Documentation	200,000
JUMLAH HARGA ITEM 2		6,306,999
Item 3 - Training and Transfer of Technology (ToT)/ Transfer of Knowledge (ToK)	3.1 Technical Training/ Transfer of Technology (ToT)/ Transfer of Knowledge (ToK) for 10 pax x 20 sessions x 8 days	360,000
	3.2 Train - The - Trainer for 20 pax x 5 sessions x 10 days	112,500

SKOP KERJA		JUMLAH (RM)
	3.3 AIS <i>Technical / Development Training for 10 pax x 2 sessions x 5 days</i>	22,500
JUMLAH HARGA ITEM 3		495,000
JUMLAH KESELURUHAN		11,710,403

Sumber: Lampiran 4, Jadual Pembayaran, Perjanjian Utama dan Perjanjian Tambahan

4.1.2. Klausula 10(b) Terma Pembayaran menetapkan sebagai pertimbangan terhadap prestasi penuh dan betul syarikat terhadap obligasinya di bawah Perjanjian ini dan tertakluk kepada terma dan syarat dalam Perjanjian ini, MARDI hendaklah membayar semua jumlah yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini dalam tempoh 14 hari selepas tarikh penerimaan satu salinan asal invois komersial syarikat yang ditandatangani dan semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong pembayaran.

4.1.3. Berdasarkan Jadual Pembayaran Pembangunan AIS Fasa 1, bayaran yang telah dibuat kepada syarikat adalah bagi tuntutan pertama hingga tuntutan ke-11 berjumlah RM7.92 juta. Bagi tuntutan ke-12, Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF melalui surat nombor rujukan S/K.KEW/PK/MOA/OE3/06 SK.2(21) bertarikh 31 Januari 2019 bersetuju memberi kelulusan khas bayaran tanpa kontrak kepada MARDI. Kelulusan ini adalah bagi tempoh perkhidmatan mulai 10 Mei 2016 hingga 1 November 2018 berjumlah RM1.28 juta. Perkara ini disebabkan perkhidmatan bagi perolehan telah disempurnakan oleh syarikat dengan peratus kemajuan mencapai 89.99% dan diterima oleh MARDI. Selain itu, MoF juga menetapkan bahawa bayaran kepada syarikat adalah berdasarkan perkhidmatan sebenar yang diterima sahaja.

4.1.4. Semakan Audit terhadap baucar bayaran 70397392 bertarikh 15 September 2021 mendapati MARDI telah membuat bayaran ke-12 berjumlah RM0.95 juta kepada syarikat setelah mengambil kira penolakan amaun denda lewat berjumlah RM330,456. Bagaimanapun, **bayaran ini adalah berdasarkan tuntutan bagi kerja yang disempurnakan penghantaran pada 2 Januari 2019. Tempoh ini telah melewati kelulusan khas bayaran tanpa kontrak yang diberikan oleh MoF, iaitu bagi perkhidmatan mulai 10 Mei 2016 hingga 1 November 2018 sahaja.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.3.**

JADUAL 4.3
TUNTUTAN KERJA SYARIKAT DI LUAR TEMPOH KONTRAK

BIL.	BUTIRAN TUNTUTAN			TARIKH NOTA PENGHANTARAN
	NO./ TARIKH INVOIS	PERIHAL	JUMLAH (RM)	
1.	BRI0001322/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications User Acceptance Test (UAT) (Enterprise Portal)	122,580	02.01.2019
2.	BRI0000242/ 02.01.2019	Being payment for combined User Requirement Specification (URS) and System Requirement Specification (SRS) sign off for profiling system	229,680	02.01.2019
3.	BRI0001330/ 02.01.2019	Profiling System Design Specification (SDS) Document	57,420	02.01.2019
4.	BRI0001331/ 02.01.2019	UAT sign off for Profiling System	114,840	02.01.2019
5.	BRI0000912/ 02.01.2019	Being payment for UAT sign off for Incentive Management System 2.0 (Incentive Reporting)	29,840	02.01.2019
6.	BRI0001323/ 02.01.2019	UAT sign off for Incentive Management System 1.0	74,600	02.01.2019
7.	BRI0001325/ 02.01.2019	SDS sign off for Incentive Management System 1.0	44,760	02.01.2019
8.	BRI0001326/ 02.01.2019	SDS sign off for Incentive Management System 2.0 (Incentive Reporting)	22,380	02.01.2019
9.	BRI0001327/ 02.01.2019	SDS sign off for Incentive Management System 2.0 (Incentive End-to-End)	22,380	02.01.2019
10.	BRI0001328/ 02.01.2019	UAT sign off for Incentive Management System 2.0 (Incentive End-to-End)	37,300	02.01.2019
11.	BRI0000879/ 02.01.2019	Being payment for UAT sign off for 11 Agriculture Services Applications (Commodity Information Module)	34,012	02.01.2019
12.	BRI0000880/ 02.01.2019	Being payment for UAT sign off for 11 Agriculture Services Applications (Agriculture Directory Module)	34,012	02.01.2019
13.	BRI0000881/ 02.01.2019	Being payment for UAT sign off for 11 Agriculture Services Applications (Commodity Calendar Module)	34,012	02.01.2019
14.	BRI0000882/ 02.01.2019	Being payment for UAT sign off for 11 Agriculture Services Applications (Training Calendar Module)	34,012	02.01.2019
15.	BRI0000906/ 02.01.2020	Being payment for UAT sign off for 11 Agriculture Services Applications (Market Information Module)	34,012	02.01.2019
16.	BRI0000907/ 02.01.2019	Being payment for UAT sign off for 11 Agriculture Services Applications (Cash flow Calculator Module)	34,012	02.01.2019
17.	BRI0001310/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications SDS Document (Agriculture Directory)	12,368	02.01.2019
18.	BRI0001311/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications SDS Document (Farm Record)	12,368	02.01.2019
19.	BRI0001312/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications SDS Document (Market Information)	12,368	02.01.2019
20.	BRI0001313/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications SDS Document (Cash Flow Calculator)	12,368	02.01.2019
21.	BRI0001314/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications SDS Document (Training Calendar)	12,368	02.01.2019
22.	BRI0001315/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications SDS Document (EO Workspace)	12,368	02.01.2019
23.	BRI0001316/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications UAT (Information Video)	34,012	02.01.2019
24.	BRI0001317/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications UAT (Pest & Disease Information)	34,012	02.01.2019
25.	BRI0001318/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications UAT (Weather Information)	34,012	02.01.2019
26.	BRI0001319/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications UAT (Farm Record)	34,012	02.01.2019
27.	BRI0001320/ 02.01.2019	11 Agriculture Services Applications UAT (EO Workspace)	34,012	02.01.2019
28.	BRI0001351/ 02.01.2019	Being payment for SDS sign off for 11 Agriculture Services Applications Item 2 – No 2.5 Agriculture Services Development (11 Applications) (0.6%) 11 Agriculture Services Applications SDS Document (Video Module)	9,276	02.01.2019

BIL.	BUTIRAN TUNTUTAN			TARIKH NOTA PENGHANTARAN
	NO./ TARIKH INVOIS	PERIHAL	JUMLAH (RM)	
29.	BRI0001358/ 02.01.2019	11 <i>Agriculture Services Applications SDS Document</i> (Weather Information Module)	12,368	02.01.2019
30.	BRI0001359/ 02.01.2019	11 <i>Agriculture Services Applications SDS Document</i> (Commodity Calendar Module)	12,368	02.01.2019
31.	BR10001345 02.01.2019	<i>Train-The-Trainer Training Part 1</i> 1. <i>Training for 20 pax x 2 sessions x 10 days</i> 2. <i>Training Report</i>	40,500	02.01.2019
JUMLAH TUNTUTAN KE-12			1,278,632	
TOLAK: DENDA LEWAT			(330,456)	
JUMLAH BAYARAN KE-12			948,176	

Sumber: Baucar Bayaran ke-12 bertarikh 15 September 2021, Tuntutan ke-12 Syarikat

4.1.5. Pihak MARDI memaklumkan pembayaran boleh dibuat berdasarkan Klausula 39(d)(ii), Perjanjian Utama yang menetapkan perjanjian ini masih berkuat kuasa dan memerlukan syarikat untuk terus memenuhi semua kewajipannya di bawah Perjanjian ini. Oleh itu, MARDI menganggap perjanjian masih berkuat kuasa berikutan MARDI masih mengadakan mesyuarat dan pemantauan terhadap pelaksanaan projek oleh syarikat.

4.1.6. Pembayaran tuntutan ke-12 **berjumlah RM0.95 juta bagi Nota Penghantaran bertarikh 2 Januari 2019** merupakan bayaran tidak wajar kerana telah dibuat di luar tempoh kontrak dan melewati tempoh kelulusan khas bayaran oleh MoF, iaitu 10 Mei 2016 hingga 1 November 2018.

Maklum balas MARDI yang diterima pada 5 November 2021

MARDI akan memastikan perkara ini diberi perhatian dan tidak akan berlaku lagi di masa hadapan. Sebagai langkah penambahbaikan bagi memastikan perkara seumpamanya tidak berulang, MARDI telah menganjurkan kursus kepada pegawai pengguna berkaitan pengurusan perolehan pada 7 April 2021. Latihan ini juga akan diadakan secara berterusan dari semasa ke semasa.

Maklum balas MARDI yang diterima pada 24 Disember 2021

Bayaran tidak diuruskan mengikut tempoh yang diluluskan MoF kerana nilai kenaan denda adalah melebihi tuntutan. Setelah mendapat kelulusan daripada MoF, bayaran RM948,176 dibuat dengan mengambil kira pengurangan denda berjumlah RM330,455. Invois yang diterima bertarikh 2 Januari 2019 berdasarkan tarikh invois dijana pada masa tersebut yang mana invois dikemukakan kemudian setelah kerja dilaksanakan.

Pernyataan Audit	Tarikh penghantaran kerja perkhidmatan yang dilaksanakan telah melewati tempoh yang diluluskan oleh MoF. Ketidakakuran kepada kelulusan khas MoF menyebabkan bayaran tidak wajar berjumlah RM0.95 juta.
-------------------------	--

4.2. Pengurangan Denda Lewat RM0.51 Juta Disebabkan Kelewatan Semakan Dokumen dan Gangguan Perkhidmatan *Cloud*

4.2.1. Peruntukan Klausula 25 - Penerimaan Dokumen, Perjanjian Utama menetapkan perkara seperti berikut:

- a. Klausula 25 b) Sekiranya MARDI dan Kerajaan tidak berpuas hati dengan Dokumen-Dokumen yang dikemukakan oleh syarikat, MARDI dan Kerajaan boleh memberikan ulasan dan semakan Dokumen-Dokumen tersebut dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh penerimaannya kepada syarikat (selepas ini dirujuk sebagai "Tempoh Semakan").
- b. Klausula 25 e) Sekiranya MARDI dan Kerajaan tidak berpuas hati dengan dokumen yang dipinda, MARDI dan Kerajaan boleh memberikan ulasan dan semakan Dokumen-Dokumen tersebut dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh penerimaannya kepada syarikat.

4.2.2. Klausula 39 - Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan, Perjanjian Utama pula menetapkan perkara seperti berikut:

- a. Klausula 39 a) - Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
Jika syarikat gagal melaksanakan apa-apa jika obligasinya menurut Perjanjian ini atau kelewatan dalam melaksanakan Kerja-Kerja atau Projek atau sebahagian daripadanya atau untuk sebarang obligasi-obligasi lain yang perlu dipatuhi oleh syarikat dalam tempoh masa, yang bukan disebabkan oleh mana-mana sebab-sebab yang disebut dalam Klausula 44, maka syarikat hendaklah membayar Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) kepada MARDI yang dikira dari tempoh bermula pada tarikh yang berkenaan dan berakhir pada tarikh penyerahan itu sebenarnya disiapkan dan dihantar seperti yang dikehendaki di bawah Perjanjian ini. Untuk mengelakkan keraguan, "tarikh yang berkenaan" merujuk kepada hari pertama kerja tertunda.

b. Klausula 39 b) - Jumlah

Ganti rugi tertentu dan ditetapkan hendaklah dibayar untuk setiap hari kelewatan amaun yang dikira seperti berikut:

1% daripada jumlah kontrak x bil. hari-hari tertunda / 7

4.2.3. Semakan Audit terhadap Permohonan Rayuan Pelepasan Denda Lewat bagi AIS Fasa 1 daripada MARDI melalui MAFI kepada MoF bertarikh 11 Januari 2021 mendapati kadar denda lewat asal adalah berjumlah RM22.78 juta. Denda lewat yang dikenakan adalah bagi tempoh selama 1,362 hari, iaitu dari 10 Mei 2016 hingga 31 Januari 2020 berdasarkan Klausula 39 b) Perjanjian Utama.

4.2.4. Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF melalui surat bertarikh 12 Ogos 2021 telah memberi **kelulusan pengurangan jumlah denda lewat yang dikenakan kepada syarikat daripada RM22.78 juta kepada RM330,456**. Kelulusan diberikan ini adalah berdasarkan permohonan perakuan Contract Coordination Panel (CCP), MAFI kepada MoF pada 4 Mac 2021 melalui sistem Electronic Government Procurement Application. CCP, MAFI juga memperakukan jumlah hari bagi pengiraan denda lewat kepada syarikat dikurangkan daripada 1,362 hari (10 Mei 2016 hingga 31 Januari 2020) kepada 538 hari. Justifikasi yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- a. kelewatan selama 794 hari bagi semakan dokumen oleh Pasukan Projek yang terdiri daripada Pasukan Projek Kerajaan, iaitu Pengarah Projek; Pengurus Projek; Pasukan Kerja Teknikal; Pasukan Quality Assurance, Testing and Security serta Pasukan Projek daripada syarikat pembekal; dan
- b. gangguan perkhidmatan *cloud* selama 30 hari semasa perpindahan infrastruktur di Cyberjaya ke PDSA pada 24 Mac hingga 24 April 2019.

4.2.5. Pengurangan denda lewat daripada RM22.78 juta kepada RM330,456 disebabkan **klausula perjanjian yang menggunakan formula perolehan bekalan untuk pengenaan denda lewat** dan tidak mengikut Pekeliling Perbendaharaan PK 2 - Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan. Semakan lanjut mendapati **bilangan hari yang dikurangkan bagi pengiraan denda lewat adalah selama 824 hari berjumlah RM0.51 juta**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.4**.

JADUAL 4.4
DENDA LEWAT YANG DIBERI
PENGURANGAN AKIBAT KELEMAHAN PASUKAN PROJEK

PERKARA	KADAR DENDA LEWAT ASAL YANG DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT (mengikut Perjanjian bertarikh 15 Mei 2015)	KADAR DENDA LEWAT YANG TELAH DILULUSKAN MoF (berdasarkan perakuan Jawatankuasa CCP, MAFI)*	PENGURANGAN HARI BAGI PENGIRAAN DENDA LEWAT*
Formula Pengiraan Denda Lewat	$1\% \times \text{Contract Sum} \times \text{No. of days delayed} / 7$	$(\text{BLR}^{**} + 1\%) / 365 \times \text{value scope of delayed work} \times \text{No. of days delayed}$	$(\text{BLR}^{**} + 1\%) / 365 \times \text{value scope of delayed work} \times \text{No. of days delayed}$
Bilangan Hari Denda Lewat Dikenakan (a)	1,362	538	824
Harga Kontrak/ Nilai Skop Kerja yang Lewat (RM)	11,710,402	3,503,029	3,503,029
Kadar Denda Lewat Sehari (RM) (b)	16,729	614.23	614.23
Jumlah Denda Lewat yang Dikenakan (RM) (c) = (a) x (b)	22,784,898	330,456	506,126

Sumber: Perjanjian Utama dan Surat Kelulusan Pengurangan Denda Lewat MoF bertarikh 12 Ogos 2021

Nota: *Formula mengikut Pekeliling Perbendaharaan PK 2 - Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan

**Kadar BLR yang digunakan adalah 5.4%

4.2.6. Pengurangan denda lewat tersebut adalah disebabkan kelewatan Pasukan Projek menyemak dokumen dalam tempoh masa 794 hari berbanding **12 hari seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Utama**. Selain itu, urusan perpindahan perkhidmatan *cloud hosting* ke PDSA dibuat berikutan kontrak dengan *cloud provider* telah tamat pada 5 Januari 2019. Urusan perpindahan ini mengambil masa selama 30 hari bermula pada 24 Mac hingga 24 April 2019 yang menyebabkan kegagalan untuk mengakses ke AIS Fasa 1.

4.2.7. Kesannya, jumlah hari bagi pengiraan denda lewat yang sepatutnya dikenakan kepada syarikat telah dikurangkan daripada 1,362 hari kepada 538 hari. Perkara ini telah menyebabkan **kerugian berjumlah RM0.51 juta berikutan denda lewat yang diberi pengurangan kepada syarikat**.

Maklum balas MARDI yang diterima pada 5 November 2021

Kelewatan semakan dokumen disebabkan oleh Technical Working Group Jaminan Kualiti hanya dianggotai oleh dua orang ahli yang perlu menyemak 279 dokumen dan dalam masa yang sama menjalankan tugas hakiki mereka. Infrastruktur *cloud hosting* telah diserahkan kepada Kerajaan selepas tamat tempoh kontrak berkenaan. Urusan perpindahan ini mengambil masa 30 hari kerana melibatkan urusan teknikal seperti pemindahan perkakasan, konfigurasi dan pengujian. Sehubungan itu, MARDI telah membuat permohonan rayuan denda lewat dan juga pertukaran kaedah pengiraan denda

lewat untuk dibentangkan dan seterusnya diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa CCP, MAFI Bilangan 1 Tahun 2021 pada 25 Januari 2021.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 4 Januari 2022

MAFI akan memastikan struktur tadbir urus Projek AgF dikaji semula dan dimantapkan terutamanya keperluan sumber manusia. Ini bagi memastikan aspek perancangan, pengawalan dan pemantauan pelaksanaan projek berskala besar dapat diuruskan dengan lebih baik dan sistematik pada masa akan datang.

Pernyataan Audit	Kelewatan Pasukan Projek menyemak dokumen dalam tempoh masa yang ditetapkan menyebabkan kerugian berjumlah RM0.51 juta kepada Kerajaan.
-----------------------------	--

4.3. Projek AIS Fasa 1 Berjumlah RM8.87 Juta Tidak Digunakan Sejak Bulan November 2020 Walaupun Projek Telah Siap dan Serahan Dibuat pada 1 Februari 2020

4.3.1. Sijil FAT telah dikeluarkan oleh syarikat pada 1 Februari 2020 melalui sesi FAT yang disempurnakan dari 17 September 2019 hingga 16 Oktober 2019. Sesi yang dilaksanakan oleh syarikat telah berjaya memenuhi keperluan skop sistem termasuk proses migrasi dan integrasi AIS Fasa 1. Seterusnya, **syarikat telah menyerahkan Projek AIS Fasa 1 kepada pihak Kerajaan berkuat kuasa pada 1 Februari 2020** dengan tempoh waranti bermula dari 1 Februari 2020 hingga 30 Januari 2021.

4.3.2. Bab 7, Buku Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) oleh MAMPU menetapkan objektif FAT seperti berikut:

- a. mengesahkan bahawa sistem yang telah dibangunkan memenuhi keperluan yang telah digariskan pengguna;
- b. mengesahkan bahawa sistem bebas daripada ralat yang boleh mengganggu operasi sistem; dan
- c. mendapatkan keyakinan pengguna terhadap keseluruhan sistem.

4.3.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT MAFI Bilangan 1 Tahun 2020 bertarikh 11 Februari 2020 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) memutuskan semua jabatan/agensi di bawah MAFI supaya mengemas kini maklumat dalam AIS Fasa 1 bagi memastikan sistem digunakan sepenuhnya.

4.3.4. Semakan Audit terhadap Laporan Pengguna Jabatan Agensi di Bahagian Pengurusan Maklumat, MAFI bagi tempoh **1 Februari 2020 hingga 30 September 2021** mendapati AIS Fasa 1 tidak digunakan **sejak bulan November 2020**. Semakan lanjut mendapati **871 atau 97.8% pengguna sistem yang didaftarkan tidak pernah log masuk sehingga bulan September 2021**. Selain itu, **status penggunaan terakhir oleh 20 atau 2.2% pengguna di 12 jabatan/agensi di bawah MAFI adalah pada bulan Oktober 2020**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.5**.

JADUAL 4.5
STATUS PENGGUNAAN AIS FASA 1 BAGI JABATAN/AGENSI DI BAWAH MAFI

BIL.	JABATAN/AGENSI	BILANGAN PENGGUNA YANG TIDAK PERNAH LOG MASUK	BILANGAN PENGGUNA YANG PERNAH LOG MASUK	KALI TERAKHIR LOG MASUK
1.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda	35	2	13.10.2020
2.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	40	5	29.09.2020
3.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu	217	1	23.09.2020
4.	Jabatan Perikanan	57	1	02.09.2020
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	79	3	17.08.2020
6.	Lembaga Pertubuhan Peladang	146	7	13.08.2020
7.	Jabatan Pertanian	163	1	04.03.2020
8.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	36	-	-
9.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	37	-	-
10.	AGRO Bank	2	-	-
11.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	53	-	-
12.	TEKUN Nasional	6	-	-
BILANGAN PENGGUNA (PERATUS)		871 (97.8%)	20 (2.2%)	
		891		

Sumber: Laporan Pengguna Jabatan Agensi Setakat Bulan September 2021

4.3.5. Pihak Audit mendapati sistem tidak digunakan sepenuhnya kerana tidak menepati objektif FAT selaras dengan ketetapan MAMPU. Masih terdapat kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan AIS Fasa 1 walaupun Sijil FAT telah dikeluarkan pada 1 Februari 2020. Merujuk Laporan Hasil Aktiviti Pengurusan Perubahan agensi di bawah MAFI bagi bulan Julai hingga September 2020, antara sebab sistem tidak digunakan sejak bulan November 2020 kerana data yang tidak lengkap berikutan masalah integrasi sistem, kemasukan data perlu dibuat secara manual oleh pengguna dan keperluan mengadakan latihan semula kepada pengguna.

4.3.6. Merujuk Minit Mesyuarat Perbincangan Penyelarasan Tadbir Urus Projek AgF Fasa 1 pada 9 September 2021, wakil Bahagian Pengurusan Maklumat, MAFI memaklumkan status kestabilan sistem seperti berikut:

- a. masalah capaian ke atas portal AIS Fasa 1 masih berlaku meskipun kerja penyenggaraan telah dibuat; dan
- b. permohonan peruntukan mengurus bagi penyenggaraan infrastruktur sistem AIS Fasa 1 telah dikemukakan kepada MoF pada tahun 2021 dengan anggaran kos berjumlah RM1.93 juta namun permohonan ini telah ditolak.

4.3.7. Projek AIS Fasa 1 yang tidak digunakan sepenuhnya sejak bulan November 2020 menyebabkan sistem tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan merupakan pembaziran kepada Kerajaan. Selain itu, MAFI juga perlu menanggung kos penyenggaraan terhadap sistem, infrastruktur dan lesen yang dianggarkan berjumlah RM1.93 juta mulai tahun 2021 bagi mengelakkan serangan siber dan mendapatkan khidmat sokongan dari segi teknikal daripada pembekal perisian.

Maklum balas MARDI yang diterima pada 5 November 2021

Serahan projek dibuat pada 1 Februari 2020 setelah keseluruhan sistem siap. Penggunaan sistem yang optimum perlu bersekali dengan pengurusan perubahan seperti latihan dan promosi kepada sasaran pengguna di mana ianya di bawah skop kerja MAFI sebagai pemilik proses.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 4 Januari 2022

Capaian ke atas sistem telah dipulihkan bermula pada 24 Ogos 2021 dan boleh beroperasi sehingga kini. Bagaimanapun, kerja penyenggaraan secara berkala (Preventive Maintenance) perlu dilaksanakan ke atas infrastruktur dan sistem bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang.

Sesi pengurusan perubahan telah bermula pada 2018 sebagai sesi Soft Launch walaupun pada ketika itu sistem masih belum siap dibangunkan. Sesi diteruskan semasa tempoh waranti ke beberapa agensi sebagai sesi *refreshment* dan mendapatkan maklum balas daripada agensi setelah sistem siap dibangunkan. Bagaimanapun, ia tidak dapat diteruskan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan. Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik juga telah memperoleh perjawatan baharu pada suku kedua tahun 2021 yang diharap dapat membantu melancarkan pengurusan hala tuju projek.

Antara sebab AIS Fasa 1 tidak digunakan sepenuhnya adalah seperti berikut:

- a. keupayaan infrastruktur dan sistem ICT yang terhad berikutan struktur perisian CRM yang digunakan dalam projek ini tidak membolehkan data-data tersebut dimasukkan dalam pangkalan data AIS Fasa 1 secara lengkap dan komprehensif;

- b. kesediaan data dalam sistem di jabatan dan agensi bagi proses integrasi masih tidak dapat memenuhi medan-medan yang perlu dilengkapkan dalam AIS Fasa 1;
- c. kelewatan pembangunan AIS Fasa 1 mengakibatkan jabatan dan agensi membangunkan sistem baharu yang lebih memenuhi keperluan semasa; dan
- d. ketiadaan sumber peruntukan bagi tujuan menaik taraf dan menyenggara sistem juga menyebabkan kestabilan sistem terjejas.

Pernyataan | Projek AIS Fasa 1 berjumlah RM8.87 juta yang tidak Audit | dimanfaatkan sepenuhnya adalah merupakan pembaziran kepada Kerajaan.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam pengurusan bayaran Projek AIS Fasa 1. MARDI telah membuat bayaran tidak wajar bagi tuntutan luar kontrak berjumlah RM0.95 juta. Di samping itu, denda lewat berjumlah RM0.51 juta telah diberi pengurangan disebabkan oleh kelemahan Pasukan Projek. AIS Fasa 1 bernilai RM8.87 juta juga tidak digunakan sejak bulan November 2020 dan merupakan pembaziran kepada Kerajaan.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan, MARDI disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan berikut:

- 6.1. memastikan projek dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi mengelakkan pembayaran di luar tempoh kontrak;
- 6.2. memastikan formula pengiraan denda lewat bagi perolehan ICT mengikut peraturan Kerajaan supaya tuntutan denda lewat dibuat dengan teratur dan mematuhi klausa perjanjian;
- 6.3. memastikan pemantauan terhadap pengurusan projek dibuat dengan lebih berkesan dengan mengambil tindakan segera terhadap masalah yang berbangkit; dan
- 6.4. memastikan sistem digunakan secara optimum dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran kepada Kerajaan.

